

## Kerajaan lakukan segera projek perintis: Azmin

**Kuala Lumpur:** Rancangan kerajaan untuk mencantumkan tanah peneroka FELDA di seluruh negara menjadi ladang besar, akan dilaksanakan secepat mungkin.

-Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata projek perintis bagi cadangan itu akan dilaksanakan segera sebaik sahaja kementerian memperoleh kelulusan tanah antara 405 hektar hingga 809 hektar.

Katanya, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, sudah mengarahkannya untuk mencari peneroka yang bersetuju dengan cadangan itu secepat mungkin.

"Kalau kita dapat antara 1,000 ekar atau 2,000 ekar, kita mulakan sebagai projek rintis. Apabila projek ini berjaya, peneroka yang lain boleh menyertai dan meneruskan inisiatif ini.

"Kita sedang berusaha keras berkomunikasi, mengadakan libat urus dan berbincang dengan peneroka menerusi Jawatankuasa Perundingan Peneroka (JKPP) untuk dapatkan persetujuan mereka.

"Yang penting kita mahu yakin kan mereka bahawa ini adalah langkah ke depan kerana mereka tidak akan dapat tingkatkan pendapatan jika tidak gunakan kaedah ini," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, semalam.

Mengulas lanjut, Mohamed Azmin berkata, menerusi inisiatif itu, peneroka tidak perlu menyerahkan tanah kepada kerajaan, sebaliknya ia dicantumkan secara pengurusan bagi meningkatkan perolehan hasil.

"Sekarang ini, pemilikan ladang FELDA ini terlalu kecil, hanya 10 ekar (empat hektar) bagi setiap peneroka. Jumlah ini tiada ekonomi berskala," katanya.